

**CADANGAN PEMBAHARUAN SEMENTARA (INTERIM REFORM) RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (PINDAAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN) 2005**

**OLEH JOINT ACTION GROUP ON GENDER EQUALITY (JAG)**

PERKARA	ULASAN	SYOR
<p><b>1. TAFSIRAN</b></p> <p><b>Seksyen 2</b> "Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu mazhab Maliki, Hanafi atau Hambali.</p>	<p>Penekanan semula kepada Mazhab Shafie akan menyebabkan kesempitan dari segi tafsiran.</p> <p>Di Malaysia, Akta dan amalan yang ada kini tidak hanya menurut kepada Mazhab Shafie. Sebagai contoh:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. dasar perceraian fasakh adalah berdasarkan Mazhab Maliki;</li> <li>2. keperluan umur minima (16 tahun bagi perempuan dan 18 tahun bagi lelaki bagi Akta Keluarga Islam di Wilayah Persekutuan) untuk berkahwin adalah mendorong kepada Mazhab Hanafi;</li> <li>3. pembayaran zakat fitrah dengan menggunakan wang adalah berdasarkan Mazhab Hanafi (Mazhab Shafie mesti menggunakan beras atau makanan asas).</li> </ol> <p>Ini bermakna bahawa Malaysia menerima pakai pendirian mazhab yang lain selagi ia tidak menyimpang dari akidah. Penekanan kepada mazhab Shafie akan menyekat perkembangan syariah dan perundangan di negara kita.</p> <p>Tafsiran sedia ada telahpun menyatakan Hukum Syarak sebagai mana-mana mazhab yang diiktiraf. Cadangan kami untuk merujuk kepada prinsip masalah dan keadilan akan menjelaskan asas mengenai penerimaan kaedah yang terbaik.</p> <p>Adalah diterima sebagai kaedah syariah (siyasah shar'iyah) bahawa Mahkamah Syariah boleh merujuk kepada 4 Mazhab yang utama dan menerima pakai prinsip yang terbaik berdasarkan masalah (kepentingan awam) dan keadilan.</p>	<p>Tafsiran Hukum Syarak di <b>Seksyen 2</b> dipinda semula kepada peruntukan 1984, dengan tambahan prinsip:</p> <p>'Hukum Syarak' ertinya mana-mana mazhab yang diiktiraf dengan mengikut kaedah yang terbaik berpandukan prinsip masalah dan keadilan.</p> <p>In several states, including Selangor and Penang, equal recognition was given in the 1984 law to all the major schools, Syafie, Hanafi, Maliki, Hanbali and Syiah (Zaidiyyah and Jaafariyah).</p>

<p><b>2. TA'LIQ LAIN</b> Tiada penjelasan di dalam akta mengenai ta'liq lain walaupun ia dinyatakan dalam Seksyen 22.</p>	<p>Undang-undang haruslah menerima pakai dan mengiktiraf apa-apa perjanjian ta'liq lain yang dipersetujui oleh pasangan. Surah al-Maidah 5:1 '<i>Hai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad (perjanjian) itu</i>'. Surah al-Isra' 17:34 '<i>Sesungguhnya janji itu pasti di minta pertanggung jawaban</i>'.  Hadith Rasulullah (saw) yang diriwayatkan oleh Uqba b. Amir (r.a.), '<i>Syarat yang paling patut dipenuhi olehmu ialah yang menjadikan persetubuhan (dengan isterimu) halal (untukmu)</i>'. Hadith ini menunjukkan penerimaan syarat perkahwinan.  Keingkaran syarat perjanjian haruslah boleh digunakan dan diterima oleh Mahkamah kerana pihak-pihak di dalam perjanjian tersebut faham mengenai syarat perjanjian. Paksaan tidak wujud.  Kami juga ingin menyarankan agar Mahkamah Syariah dan kerajaan mengiktiraf hak seorang wanita untuk meletakkan syarat melarang suami untuk berpoligami selagi wujud perkahwinan. Syarat ini adalah tidak melanggar hukum syarak. Suami arif mengenai syarat ini sebelum berkahwin dan telah bersetuju tanpa paksaan. Isteri tidak melarang suami berkahwin lagi (dibolehkan oleh hukum syarak) tetapi isteri tidak mahu berada di dalam perkahwinan berpoligami. Jika bakal suami tidak bersetuju dia bolehlah menolak syarat itu sebelum akad nikah dan terpulanglah kepada pihak perempuan itu pula sama ada masih hendak berkahwin dengan lelaki tersebut.  Oleh itu jika suami telah bersetuju, persetujuannya hendaklah diiktiraf oleh Mahkamah (seperti yang dituntut oleh surah al-Maidah dan surah al-Isra').  Terdapat hadis Rasulullah yang tidak membenarkan Saidina Ali untuk berkahwin lain '<i>melainkan jika Ali menceraikan anak perempuanku (Fatimah), kerana anakku itu sebahagian daripadaku, dan apa yang menyedihkan dan menggusarkannya menyedihkan dan menggusarkanku juga, dan apa-apa kesusahan yang menyimpannya juga dirasakan olehku.</i>' (Sunan Ibn Majah)  Perjanjian yang melarang suami berpoligami dan hak isteri membantah dan menuntut cerai telah dipraktikkan oleh cicit Rasulullah (cucu kepada Fatimah dan Ali, anak kepada Husayn) yang bernama Sukayna.  Perjanjian berbentuk ini adalah juga dibenarkan oleh Mazhab Hanbali dan diterimapakai</p>	<p>Dimasukkan tafsiran 'ta'liq lain' dalam <b>Seksyen 2</b>:  “Ta’liq lain” ertinya syarat-syarat atau terma-terma tambahan yang dipersetujui atas pilihan pihak-pihak yang berkahwin itu.  Borang ta’liq patutlah mengadakan pilihan untuk syarat tambahan termasuk isteri berhak menuntut ta’liq sekiranya suami kahwin lain.</p>
---	--	---

	<p>di beberapa Negara Islam lain, termasuk mereka yang bukan pengikut Mazhab Hanbali.</p> <p>Dipraktikkan di Mesir, Jordan, Lebanon, Maghribi, Sudan - mengakui hak isteri bagi mensyaratkan haknya untuk bercerai sekiranya suami berkahwin lagi.</p> <p>Kebebasan untuk menetapkan syarat tambahan dibenarkan di Yemen, Syria dan Arab Saudi.</p>	
<p><b>3. POLIGAMI</b></p> <p><b>i. Seksyen 23 (3) dan (4) (a): "patut atau perlu".</b></p>	<p>Perlulah dijelaskan pentingnya syarat keadilan dalam perkahwinan poligami. Syarat keadilan selaras dengan hukum syara' berdasarkan bahagian Surah ab-Nisa' 4 : 3 yang menegaskan "jika kluatir tidak dapat berlaku adil (kepada isteri-isteri), maka kahwinlah seorang (isteri) sahaja". Keadilan merangkumi berbagai aspek kepatutan dan keperluan, dari segi kewangan dan emosi. Adalah sukar bagi perundangan untuk menyenggarakan aspek emosi, tetapi sekurang-kurangnya ia patutlah melindungi aspek taraf kehidupan dari segi kewangan.</p> <p>Perkahwinan poligami yang dicadangkan haruslah patut, perlu, <b>DAN ADIL</b>.</p> <p>Pindaan RUU kepada "patut <b>atau</b> perlu" telah melonggarkan syarat berpoligami. Pindaan ini nampaknya sengaja hendak menolak dan mengetepikan penghakiman Jawatankuasa Rayuan Syariah Selangor dalam kes <b>Aishah v. Wan Mohd Yusof</b> (1990) 7 JH 152. yang telah menekankan bahawa kesemua syarat di bawah subseksyen ini sama pentingnya dan hendaklah dibuktikan berasingan. Pihak suami telah memberi alasan untuk berpoligami bagi maksud menghalalkan pertalian kasih sayangnya dengan perempuan yang berkenaan.</p> <p>Jawatankuasa Rayuan Syariah berpendapat bahawa walaupun alasan ini mungkin mencukupi untuk memenuhi syarat "keperluan" untuk berpoligami, tetapi ianya tidak ada kena-mengena dengan soal "kepatutan". Jawatankuasa itu menegaskan bahawa sebagai seorang Islam, dia patut boleh mengawal nafsunya dan mengelakkan diri dari melakukan zina dan perkara maksiat. Permohonannya ditolak.</p>	<p><b>i. Seksyen 23 (3) dan 23(4)(a)</b> dipinda ke:</p> <p>'patut, perlu <b>dan adil</b>'</p>

<p><b>ii. Seksyen 23 (4) (d)</b></p>	<p>Tafsiran darar syari'i hendaklah meliputi darar kepada isteri yang tidak sanggup hidup dalam perkahwinan berpoligami.</p>	<p><b>ii.</b> Mahkamah hendaklah memberi pilihan sama ada suami menarik balik permohonan untuk poligami atau memberi isteri pilihan untuk bercerai. Jika diambil pilihan untuk bercerai hak-hak kewangan isteri, termasuk nafkah iddah, muta'ah dan harta sepencarian hendaklah terjamin.</p>
<p><b>iii. Seksyen 23 (4) (e)</b></p>	<p>Syarat dalam perenggan 23 (4) (e) telah di gugurkan dalam pindaan tahun 1994. Syarat mesti dimasukkan semula bagi membantu menjamin keadilan kepada pihak isteri dan anak-anak sedia ada.</p>	<p><b>iii.</b> Dimasukan syarat (e) iaitu: "bahawa perkahwinan poligami yang dicadangkan itu <b>tidak akan merendahkan secara langsung atau tidak langsung taraf kehidupan</b> yang dinikmati oleh isteri dan orang-orang tanggungan yang sedia ada."</p>
<p><b>iv. Seksyen 23 (1A)</b> Tiada perkahwinan yang diakadnikahkan tanpa kebenaran di bawah subseksyen (1) boleh didaftarkan di bawah Akta ini melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan sedemikian adalah sah mengikut Hukum Syarak dan Mahkamah telah memerintahkan supaya perkahwinan itu didaftarkan tertakluk kepada Sek 123.</p>	<p>Seksyen ini membenarkan <b>pendaftaran</b> perkahwinan poligami yang diakadnikahkan tanpa kebenaran -- adalah sama dengan peruntukan yang dimasukkan oleh Akta Pindaan tahun 1994. Pihak kami telah mengemukakan bantahan terhadap peruntukan ini dalam memorandum tahun 1996.</p>	<p><b>iv.</b> Sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• peruntukan ini digugurkan dan dipinda semula kepada peruntukan asal dalam Akta tahun 1984; <b>atau</b></li> <li>• peruntukan tambahan dimasukkan bagi melindungi kepentingan isteri sedia ada. Isteri sedia ada yang suaminya berkahwin tanpa kebenaran patutlah diberi pilihan sama ada untuk menuntut cerai. atau tidak.</li> </ul> <p>Jika dia <b>menuntut cerai</b> hak-hak kewangannya, termasuk</p>

<p><b>v. Seksyen 124 – Poligami tanpa kebenaran Mahkamah</b></p> <p>Penaltinya masih sama dengan penalti dalam Akta 1984 – denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada hakikatnya, penalti yang terdapat dalam RUU telah tidak berjaya mencegah suami yang curang daripada mengambil kesempatan kelonggaran undang-undang dan berpoligami tanpa kebenaran Mahkamah. Ini juga mengambil kira keadaan masyarakat pada masa ini di mana denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit boleh dibayar oleh kebanyakan anggota masyarakat.</li> </ul> <p>Kami juga mendapati bahawa Mahkamah Syariah amat kurang menggunakan peruntukan penjara yang dibolehkan oleh Akta. Penggunaan hukuman secara penjara boleh menjadi penghalang (deterrent) bagi pihak-pihak yang mahu melanggar undang-undang.</p> <p>Keadaan begini bukan sahaja menjejaskan kedudukan wanita tetapi juga menjejaskan kewibawaan Mahkamah kerana Mahkamah seolah-olah tidak dihormati. Penalti mesti di naikkan supaya boleh menjadi penghalang.</p> <p>Penalti juga patut dikenakan kepada pihak-pihak yang membantu dan bersubahat mengenai perkahwinan poligami yang melanggar undang-undang. Pada hakikatnya, lebih banyak perkahwinan poligami dilakukan secara melanggar undang-undang tanpa kebenaran mahkamah. Oleh itu, patutlah diadakan hukuman yang berkesan (deterrent) bagi mereka yang membantu dan bersubahat menghina undang-undang itu.</p>	<p>nafkah iddah, muta'ah, dan harta sepencarian hendaklah dijamin.</p> <p>Jika dia <b>tidak menuntut cerai</b>, hak-hak kewangannya termasuk memperoleh nafkah berkala yang mencukupi, dan pembahagian harta hendaklah dijamin.</p> <p>v. Supaya penalti satu ribu ringgit digantikan dengan <b>penalti lebih berat</b> yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah, iaitu seperti berikut:</p> <p>“denda <b>mandatori lima ribu ringgit</b>, serta penjara <b>mandatori</b> yang tidak kurang daripada <b>satu tahun</b> dan tidak lebih daripada <b>tiga tahun</b>.”</p> <p>Mahkamah patutlah boleh menghukum mereka yang membantu dan bersubahat dengan pasangan yang melakukan perkahwinan poligami yang melanggar undang-undang. Ini termasuklah orang yang melakukan akad nikah, yang mengeluarkan sijil kahwin, dan saksi-saksi.</p>
---	--	--

**4.PERLINDUNGAN  
KEADILAN  
KEWANGAN**

**i. Sek 23(9)(b)** memperuntukkan bahawa di dalam permohonan perkahwinan poligami, Mahkamah mempunyai kuasa atas permohonan **mana-mana pihak kepada perkahwinan** untuk memerintahkan apa-apa aset di dalam perkahwinan dibahagi antara mereka atau dijual dan hasil jualan itu dibahagikan.

Adalah amat tidak adil jika isteri sedia ada mengahwini suami dan bertungkus-lumus bersama suaminya semasa suami tidak berharta, dan apabila suami menjadi kaya, suami hendak berkahwin lain pula. Sekiranya isteri boleh menuntut untuk diberikan sebahagian harta yang dikumpul oleh suami dalam tempoh perkahwinan sebelum berkahwin lain, ini bolehlah mengurangkan ketidakadilan dari segi kewangan. Ia bertujuan memastikan isteri sedia ada tidak mengalami darar syarie.

Pada masa yang sama, kesempatan tidaklah boleh diberi kepada suami untuk membuat tuntutan ke atas isteri semasa hendak berpoligami, kerana tindakan berpoligami adalah atas kehendak dan pilihan suami. Al-Qur'an juga amat melindungi kepentingan isteri yang suaminya hendak berkahwin lain, misalnya Suran an-Nisa 4 : 20 menegaskan: "Dan jika kamu ingin mengganti isterimu dengan isteri yang lain, sedang kamu telah memberikan kepadanya harta yang banyak (qintaran), maka jangan kamu mengambil kembali daripadanya barang sedikitpun. Apakah kamu akan mengambilnya kembali dengan jalan tindakan yang dusta dan dengan (menanggung) dosa yang nyata?"

**i.** dengan menggantikan subseksyen (9) dengan yang berikut:

**"(9) Bagi maksud melindungi kepentingan keadilan dari segi kewangan bagi isteri sedia ada dan anak-anak, jika ada, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa, apabila memberi kebenaran untuk pihak suami berpoligami di bawah seksyen ini, atau atas permohonan seseorang isteri sedia ada yang suaminya berkahwin lain dengan melanggar peruntukan seksyen ini, untuk membuat mana-mana atau kesemua perintah yang berikut:**

(a) untuk menghendaki seseorang lelaki membuat pembayaran nafkah berkala kepada isteri atau isteri-isteri sedia ada **dan anak-anaknya, jika ada**, dan boleh mengeluarkan **perintah potongan gaji** atau apa-apa perintah lain mengenai perkiraan **cagaran** harta atau pendapatan untuk melaksanakan perintah nafkah tersebut;

		<p>(b) untuk memerintahkan supaya apa-apa aset yang <b>didaftarkan dalam nama suami</b>, yang diperolehi dalam masa perkahwinan mereka sebelum perkahwinan baru pihak suami, <b>diberikan sebahagiannya kepada pihak isteri</b> atau isteri-isteri sedia ada, sebagai mengiktiraf usaha sumbangan isteri secara langsung atau tidak langsung selama tempoh perkahwinan mereka sebelum perkahwinan baru suami.</p>
<p><b>5.HARTA SEPENCARIAN</b></p> <p><b>i. Seksyen 122</b> Bahasa yang digunakan dalam pembahagian harta sepencarian ialah bahasa yang tidak mengira jantina (gender neutral language), iaitu mana-mana “pihak” dalam perkahwinan dan tidak disebut pihak “isteri’ atau pihak “suami”.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam rangkabentuk UUKI masakini yang mengiktiraf hak-hak tradisional kaum lelaki (poligami, talaq, wali, pusaka), adalah tidak adil mengguna bahasa “gender neutral” (tidak mengira jantina) bagi harta sepencarian. Adalah menjadi tanggungjawab suami untuk menyara kehidupan isteri dan anak-anak, dan bukan tanggungjawab isteri untuk menyara kehidupan suami atau anak-anak. Tidak adil kini apabila tanggungjawab tradisional lelaki dikurangkan tetapi ditambah dengan hak moden (hak sama rata ke atas tuntutan harta sepencarian daripada isteri). Hak mutlak wanita Islam ke atas hartanya dan tanggungjawab/kewajipan lelaki Islam berkongsi hartanya bagi saraan anak, isteri dan keluarganya adalah juga berkait dengan hak lelaki mendapat dua kali ganda bahagian harta pusaka.</li> </ul> <p>Menurut undang-undang tradisional, suami tidak berhak untuk menuntut nafkah dari isteri dan tiada hak ke atas harta isterinya. Harta yang telah diberikan oleh suami kepada isteri juga tidak boleh diambil balik, (kecuali dalam perceraian khul’ di mana isteri bersetuju membayar pampasan kepada suami), sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Baqarah 2 : 229: “tidak halal bagi kamu (suami) mengambil kembali dari sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri)”.</p>	<p><b>i.</b> Dengan memasukkan subseksyen baru (6) yang berikut:</p> <p>“(6) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dinyatakan bahawa –</p> <p>(a) oleh kerana ia merupakan kewajipan suami di bawah hukum syara’ untuk menyara nafkah isteri dan anak-anak, apa-apa peruntukan atau sumbangan kewangan yang dibuat oleh suami untuk saraan belanja rumahtangga tidaklah boleh dikira sebagai sumbangan kewangan bagi aset yang diperolehi oleh usaha pihak isteri, tetapi</p>

	<p>Tujuan asal konsep harta sepencarian dan upah (ujrah) dalam undang-undang adat Melayu adalah untuk melindungi kepentingan isteri. Kini konsep pemberian harta sepencarian bukan sahaja menjadi adat orang Melayu, tetapi mula diterimapakai di negara Islam lain dan juga oleh undang-undang sivil.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Di situasi dimana harta suami-isteri telah bercampur (dalam situasi masakini didaftarkan atas nama bersama)</b></li> </ul> <p>Kitab Al-Umm oleh Imam Shafie (jilid 10), Kitab Burghiatul Mustarshidin, Kitab Ianatu-al-Talibin, Kitab al-Bajuri yang mana menyebut jika harta-harta suami isteri telah bercampur dan tiada persetujuan mengenai hak masing-masing maka kedua hendaklah mengangkat sumpah dan harta akan dibahagikan sama banyak</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Mengiktiraf sumbangan isteri sebagai teman suami dan ibu, serta kehilangan peluang ekonominya dalam kerjaya</b></li> </ul> <p>Kitab al-Majmu menyatakan bahawa tidak wajib ke atas isteri untuk berkhidmat kepada suami dengan memasak, membasuh dan lain-lain .... oleh itu apabila isteri sebenarnya membantu suami di dalam mengurus rumahtangga ... dan menemaninya di dalam kehidupan ... dan suami dibolehkan memperoleh harta dengan usahanya, isteri sebenarnya telah menyumbang dengan cara tidak langsung kepada perolehan harta tersebut. Kitab ini telah dirujuk oleh Jawatankuasa Ulangbicara Syariah Wilayah Persekutuan di dalam kes Rokiah lawan Mohd Idris (1989) 7 JH 111.</p> <p>Bagi isteri yang tidak bekerja atau tidak bekerja sepenuh masa, dia telah kehilangan</p>	<p>(b) oleh kerana ia bukanlah kewajipan isteri di bawah hukum syara' untuk menyara nafkah suami atau anak-anak, apa-apa peruntukan atau sumbangan kewangan yang dibuat oleh pihak isteri untuk saraan belanja rumahtangga hendaklah dikira sebagai sumbangan kewangan bagi aset yang diperolehi oleh usaha pihak suami.”</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Dengan memasukkan subseksyen baru (2A) yang berikut: “(2A) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dinyatakan bahawa apa-apa aset yang didaftarkan dalam nama bersama suami isteri hendaklah dianggap sebagai harta sepencarian yang hendaklah dibahagi sama banyak di antara mereka.”</li> <li>iii. Supaya ditambah peruntukan baru sebagai <b>Seksyen 122 (7)</b> yang berikut: “(7) Berkenaan dengan harta sepencarian di antara suami isteri:  (a) apa-apa aset yang didaftarkan atas nama suami yang diperolehinya dalam tempoh perkahwinan</li> </ul>
--	---	--



	<p>atau kekurangan peluang mencari pendapatan sendiri atau memajukan kerjayanya. Kehilangan atau kekurangan peluang ekonomi (economic value) ini perlulah diberi pampasan.</p> <p>Undang-undang tradisional berbagai masyarakat, termasuk di Barat, memanglah mengutamakan hak pihak lelaki, tetapi telah berubah pada masakini dengan kecenderungan ke arah kesamarataan. Bahasa tidak mengira jantina dalam harta sepencarian UUKI yang digunakan adalah sama dengan peruntukan pembahagian aset perkahwinan di bawah undang-undang sivil dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 bagi penganut agama lain. Tetapi ini tidak adil dan mempunyai kesan diskriminasi ke atas perempuan Islam kerana di dalam UUKI tidak terdapat kesamarataan hak di antara pihak lelaki dan perempuan. Di bawah undang-undang keluarga sivil, terdapat kesamarataan hak. Misalnya perkahwinan monogami, proses perceraian tidak mengira jantina (gender neutral), dan pembahagian harta pusaka sama banyak. Maka pembahagian aset perkahwinan yang tidak mengira jantina adalah adil bagi mereka.</p> <p>SIS menerima banyak aduan daripada pihak wanita Islam yang mengatakan mereka telah terpaksa bersetuju melepaskan tuntutan mereka mengenai harta sepencarian dan muta'ah agar mendapat persetujuan suami untuk perceraian. Malah terdapat juga aduan mengenai suami yang mengugut hendak membuat tuntutan harta sepencarian terhadap harta yang sebenarnya harta isteri sekiranya isteri tidak mengikut kehendaknya mengenai terma-terma perceraian itu.</p> <p>Pihak isteri Islam berada dalam kedudukan tawar-menawar yang lebih lemah mengenai terma-terma perceraian kerana proses perceraian mengutamakan suami, tetapi pembahagian harta sepencarian pula tidak lagi mengutamakan isteri tetapi meletakkan suami isteri atas kedudukan yang sama. Ketidakadilan ini bertimpal lagi kerana suami berhak berpoligami dan dapat berumah tangga dengan perempuan lain, tetapi isteri sedia ada gantung tidak bertali.</p>	<p>hendaklah dianggap sebagai harta sepencarian di mana pembahagiannya adalah dua pertiga kepada pihak suami dan satu pertiga kepada pihak isteri kecuali jika --</p> <p>(i) suami itu membuktikan bahawa aset itu adalah hartanya sendiri; atau bahawa isteri patut diberi bahagian yang kurang daripada satu pertiga; atau</p> <p>(ii) isteri itu membuktikan bahawa dia patut diberi bahagian yang lebih daripada satu pertiga;</p> <p>(b) apa-apa aset yang didaftarkan atas nama pihak isteri, walaupun diperolehinya dalam tempoh perkahwinan, hendaklah dianggap sebagai hartanya sendiri kecuali jika pihak suami membuktikan bahawa aset itu adalah harta sepencarian di mana suami itu patut diberi bahagian yang tidak lebih daripada satu pertiga.”</p>
<p><b>6. PERINTAH LARANGAN</b></p> <p><b>Seksyen 107A</b> Seksyen baru ini membolehkan Mahkamah membuat suatu perintah melarang isteri daripada</p>	<p>Seperti ulasan di atas, bahasa “gender neutral” (tidak mengira jantina) yang digunakan membawa kesan diskriminasi terhadap wanita. Hak baru yang diberi kepada suami ini akan lebih lagi menguatkan kuasa lelaki dalam tawar-menawar (bargaining position). Sisters in Islam sudah pun menerima beberapa email dari para isteri yang berkahwin dengan lelaki yang tidak bertanggung jawab. Kerana tidak dapat bergantung kepada</p>	<p>Supaya kuasa yang diberi kepada Mahkamah untuk membuat perintah larangan ke atas harta isteri dimansuhkan; <b>atau</b></p>

<p>melupuskan asetnya, secara usaha bersama atau usaha satu pihak semata-mata.</p>	<p>suami, mereka sudah mengumpulkan harta untuk masa depan mereka dan anak-anak. Sekarang, mereka merasa takut dan cemas bahawa suami mereka boleh mendapat perintah melarang mereka daripada melupuskan aset mereka untuk menuntut harta sepencarian.</p> <p>Kekhuatiran ini lebih lagi kerana pengalaman sahabat dan keluarga dengan mahkamah syariah yang dianggap menyebelah pihak lelaki.</p> <p>Sisters in Islam sudahpun menerima dua aduan dalam beberapa minggu ini sebagai kesan daripada peruntukan ini. Di Johor, seorang suami berjaya mendapat perintah ex-parte membekukan akaun-akaun simpanan yang didaftarkan atas nama isteri nya seorang sahaja. Sudah 15 bulan berlepas, dan Puan Zaidah Abdul Rahman masih tidak dapat mengeneipkan perintah ex-parte tersebut.</p> <p>Sebaliknya, bekas suaminya dalam masa dua minggu berjaya mengeneipkan perintah larangan yang diperolehi oleh Puan Zaidah terhadap dua akaun simpanan utamanya. Hakim yang mendengar kes ini juga dituduh sebagai berat sebelah kerana menurun tanda tangannya sebagai saksi kepada affidavit bekas suami Puan Zaidah.</p> <p>Di Selangor pula, seorang isteri yang sedang menerusi kes perceraian gagal dalam permohonannya untuk mendapat perintah larangan keatas harta suami nya kerana Hakim berkata tidak cukup bukti yang kukuh untuk dia menuntut harta sepencarian. Tetapi Hakim ini telah memberi suaminya perintah melarang si isteri daripada melupuskan asetnya untuk si suami menuntut harta sepencarian.</p>	<p>Sekurang-kurangnya, dengan memasukkan proviso yang berikut kepada subseksyen (1) “Dengan syarat bahawa Mahkamah tidaklah boleh mengeluarkan perintah larangan terhadap apa-apa harta yang didaftarkan dalam nama pihak isteri, melainkan jika diadakan peruntukan bagi nafkah atau pemberian sara hidup yang mencukupi bagi pihak isteri selama berkuatkuasanya perintah larangan itu, dan terdapat kes prima facie bahawa harta itu harta sepencarian dan bukan harta isteri itu sendiri atau harta yang telah diberikan oleh suami kepada isteri.”</p>
<p><b>7.PEMBAYARAN MUT'AH</b></p> <p><b>i. Seksyen 2</b> Tafsiran Mut'ah diperjelaskan sebagai pampasan dan bukan saguhati.</p>	<p>Mazhab Shafie menekankan kewajipan pembayaran mut'ah atau wang pampasan oleh suami. Ia harus menurut garis panduan yang perlu ditetapkan supaya tidak timbul kekeliruan mengenai tahap pampasan yang boleh diberi oleh Mahkamah.</p> <p>Tempoh perkahwinan haruslah diambilkira dalam menentukan jumlah mut'ah. Tujuan mut'ah adalah untuk mententeramkan perasaan isteri apabila dicerai. Sudah tentu perasaan isteri yang sudah berumur dan telah lama berkahwin akan lebih hancur berbanding dengan isteri yang lebih muda dan telah berkahwin bagi tempoh yang</p>	<p><b>i.</b> Supaya takrif “mut’ah” pada <b>Seksyen 2</b> dipinda seperti berikut:</p> <p>“Mut’ah” ertinya bayaran <b>pampasan</b> yang kena diberi dari segi Hukum Syarak kepada isteri yang dicerai”.</p>

<p><b>ii. Seksyen 56</b> diadakan garis panduan bagi pembayaran muta'ah.</p>	<p>singkat, dan berkemungkinan lebih berupaya untuk menyesuaikan dirinya untuk mencari pendapatannya sendiri.</p> <p>Hendaklah juga ditekankan bahawa sebab perceraian itu, sama ada terdapat sebab yang patut ataupun tidak, adalah menjadi salah satu pertimbangan mengenai jumlah mut'ah, tetapi bukanlah merupakan faktor penentuan mengenai hak isteri mendapat mut'ah. Misalnya, dalam kes Piah Iwn Che Lah (1983) 3 JH 220, Kadi Besar, setelah merujuk kepada Kitab Kifayah al-Akhyar, membenarkan tuntutan isteri untuk mendapat mut'ah walaupun isteri itu didapati nusyuz kerana telah meninggalkan suaminya.</p> <p>Kekhuatiran terhadap masa hadapan yang gelap untuk memperolehi bantuan terhadap sara hidup tentulah menambah kehancuran perasaan isteri. Perceraian yang berlaku setelah lama tempoh perkahwinan biasanya merupakan pengalaman yang lebih pahit dari perceraian yang berlaku di dalam perkahwinan yang singkat tempohnya.</p> <p>Mengenai ukuran minimum bagi mut'ah, terdapat beberapa cara yang telah digunakan oleh Mahkamah Syariah di negara lain. Kami mengesyorkan agar pengiraan mut'ah mengambil kira faktor-faktor jumlah pendapatan, taraf hidup, umur, kesihatan dan hal ehwal kewangan pihak-pihak berkenaan, tempoh perkahwinan itu dan keadaan perceraian. Kami mengesyorkan apabila suami melafazkan talaq di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah maka pengiraan mut'ah kepada isteri haruslah dinaikkan kerana adalah jelas bahawa suami telah cuba mengelakkan dari prosedur Mahkamah dan tanggungjawabnya.</p> <p>Pengubahsuaian dalam syor peruntukan di sini kepada pengiraan muta'ah adalah untuk memastikan lagi keadilan bagi kedua-dua pihak suami serta isteri. Bayaran ini haruslah ditetapkan semasa proses perceraian.</p>	<p><b>ii.</b> Ditambah peruntukan baru bagi <b>Seksyen 56</b> iaitu subseksyen (2), (3) dan (4) untuk mengadakan <b>garispanduan</b> bagi membantu Mahkamah mentaksirkan jumlah mut'ah yang wajar dan patut, seperti berikut:</p> <p>“(2) Dalam mentaksirkan jumlah mut'ah yang wajar dan patut, Mahkamah hendaklah memberi pertimbangan kepada:</p> <p>(a) taraf hidup, pendapatan dan sumber kewangan pihak-pihak itu;</p> <p>(b) tempoh perkahwinan pihak-pihak itu;</p> <p>(c) umur dan keadaan kesihatan pihak-pihak itu; dan</p> <p>(d) hal keadaan perceraian itu; misalnya jika suami lafaz talaq tanpa kebenaran di luar mahkamah, hal ini menjadi satu</p>
--	--	--

		<p>faktor untuk menaikkan jumlah mut'ah bagi isteri.</p> <p>“(3) Dalam pengiraan jumlah mut'ah itu, Mahkamah haruslah menetapkan satu kadar wang harian sebagai kemampuan pihak suami dan menggandakannya dengan jumlah hari tempoh perkahwinan tersebut.”</p> <p>“(4) Pihak suami boleh dibenarkan oleh Mahkamah untuk membayar jumlah mut'ah dengan cara ansuran.”</p>
<p><b>8. PERINTAH UNTUK MEMBUBARKAN PERCERAIAN ATAU UNTUK FASAKH.</b></p> <p><b>Sekyen 52</b> Pindaan itu telah <b>melanjutkan hak untuk menuntut fasakh pada amnya kepada pihak suami.</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami amat kecewa dan dukacita dengan pindaan kepada seksyen 52 UUKI. Pindaan-pindaan kepada seksyen 52 telah menambahkan hak pihak suami tanpa menambahkan hak atau perlindungan kepada hak isteri. Pindaan itu telah <b>melanjutkan hak untuk menuntut fasakh pada amnya kepada pihak suami.</b></li> </ul> <p>Kelonggaran yang diberi kepada suami untuk fasakh haruslah dimansuhkan kerana ia amat tidak adil kepada wanita. Suami telah ada mempunyai hak ke atas talaq.</p> <p>Terdapat percanggahan pendapat di kalangan ulama' mazhab Sunni tentang sama ada hak fasakh juga diberi kepada pihak suami. Contohnya, mazhab Hanafi hanya memberi hak fasakh kepada pihak isteri, dan mazhab yang lain memberi fasakh kepada kedua-dua pihak apabila alasannya ialah penyakit berjangkit atau penyakit yang menghalang persetujuan. Dalam UUKI ini, alasan bagi suami menuntut fasakh telah diperluaskan lebih daripada itu.</p>	<p>i. Pindaan kepada seksyen 52 dimansuhkan; <b>atau</b></p> <p>ii. Jikalau fasakh masih dilanjutkan kepada pihak suami, talaq luar mahkamah diharamkan.</p> <p>Pindaan patut di buat seperti berikut: - Dikekalkan peruntukan <b>subseksyen (1)(h)(iv)</b> yang sedia ada dengan menggugurkan kemasukan perkataan-perkataan “atau</p>

	<p>Kami mendapati sungguh aneh bahawa <b>apabila terdapat percanggahan pendapat ulama'</b>, mengenai sesuatu kaedah, terdapat <b>kecenderungan menerima pendapat yang lebih memberi faedah kepada pihak suami</b> serta juga memperluaskan lagi faedah itu. Sebaliknya, <b>apabila terdapat percanggahan pendapat ulama'</b> mengenai kaedah lain yang boleh <b>memberi faedah kepada pihak isteri</b> (contohnya yang memperluaskan hak ta'liq atau perceraian tafwid bagi pihak isteri), pendapat yang memberi faedah kepada pihak isteri itu <b>diketepikan dan tidak diterima</b>.</p> <p>Malah subseksyen (1) telah juga <b>memberi pihak suami sesuatu hak yang tidak pernah diberi pada zaman awal Islam</b>, terutamanya dalam perenggan (h)(iv) yang menjadikan alasan untuk fasakh sekiranya:</p> <p>“melupakan harta isteri <b>atau suami</b>, melarang isteri <b>atau suami</b>, itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu.”</p> <p>Mengikut Hukum Syarak, suami memanglah tidak berhak mengambil daripada harta isterinya, tetapi isteri berhak mengambil daripada harta suaminya sekiranya suami tidak memberinya nafkah yang mencukupi (Hadith Rasulullah (saw) mengenai Hendon dan suaminya Abu Suffian).</p> <p><b>Subseksyen (4) pula menghalang Mahkamah membubarkan perkahwian sekiranya ia tidak adil bagi suami</b>. Kesan peruntukan ini menjadi lebih tidak adil apabila hak fasakh dilanjutkan kepada pihak suami kerana tidak terdapat peruntukan seimbang yang menghalang Mahkamah daripada membubarkan perkahwinan walaupun jika pembubaran perkahwinan itu tidak adil bagi isteri.</p> <p><b>• Jika fasakh dibenarkan bagi lelaki, maka talaq hanyalah boleh dibenarkan didalam Mahkamah.</b></p>	<p>suami” di mana jua terdapat di dalamnya.</p> <p>- Dipinda <b>subseksyen (3)</b> supaya tidak lagi perlu menunggu tempoh satu tahun mengenai sama ada suami mati pucuk, dan menggantikannya dengan peruntukan mengenai keterangan perubahan bagi perenggan (1)(e) dan juga subseksyen (2) seperti berikut:</p> <p>“Sebelum membuat suatu perintah atas alasan dalam perenggan (1)(e) atau subseksyen (2), Mahkamah hendaklah memuaskan hatinya dengan keterangan perubahan bahawa suami itu mati pucuk atau isteri atau suami itu menjadi tak upaya yang menghalang persetujuan.”</p> <p>- Digugurkan <b>subseksyen (4)</b> yang terlalu melindungi hak suami dan boleh disalahgunakan untuk memberi kesan supaya Mahkamah tidak membubarkan perkahwinan walaupun isteri mempunyai alasan bagi fasakh dalam subseksyen (1).</p> <p><b>1. Perceraian melalui Persetujuan Bersama</b></p> <p>Talaq diwakilkan dan hanya boleh dijatuhkan oleh</p>
--	---	---

		<p>mahkamah. Mana-mana satu pihak boleh memohon dan jika pihak yang satu lagi bersetuju, maka talaq dijatuhkan. Lafaz talaq di luar mahkamah tidak diiktiraf. Dalam beberapa bidangkuasa, perceraian melalui persetujuan bersama dipanggil mubara'at.</p> <p><b>2. Permohonan Perceraian yang Dipertikaikan</b></p> <p>Mana-mana satu pihak boleh memohon perceraian atas alasan pecah belah rumahtangga yang tidak boleh dipulihkan. Alasan-alasan boleh disenaraikan dan meliputi alasan satu pihak telah melakukan kesalahan misalnya nusyuz pihak suami (disebut dalam Surah an-Nisa'4:128 dan nusyuz pihak isteri disebut dalam Surah an-Nisa' 4 :34,) atau bukan kerana kesalahan (pasangan tidak melakukan kesalahan tetapi pemohon inginkan perceraian.)</p> <p>Jika suami inginkan perceraian bukan kerana kesalahan isteri, maka isteri berhak mendapat muta'ah, dan jika isteri inginkan perceraian bukan kerana kesalahan suami, maka suami berhak mendapat pampasan bagi bayaran mahr dan hantaran (cerai khul').</p>
--	--	--

<p><b>9. PELUPUTAN HAK ISTERI KE ATAS NAFKAH DAN TEMPAT TINGGAL.</b></p> <p><b>i. Sek 65</b> Penekanan kepada nusyuz isteri.</p> <p><b>ii. Sek 71(2)(d)</b> Perbuatan fahisyah isteri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Nusyuz sepatutnya ditafsirkan sebagai merosakkan keharmonian rumahtangga samada oleh suami atau isteri dan bukan sebagai keingkaran isteri terhadap suami sahaja. Ini adalah berdasarkan Surah an Nisa 4:34 dan 4:128 yang menyebut mengenai nusyuz bagi kedua-dua belah pihak.</li> </ul> <p>Isteri mempunyai hak ke atas nafkah dan tempat tinggal sepanjang tempoh perkahwinan dan selama dia berada di dalam tempoh iddah. Peruntukan yang ada mengenai nusyuz isteri dalam tempoh ‘iddah patut dimansuhkan kerana bertentangan dengan maksud dan semangat al-Quran, Surah At-Talaq 65:1 yang bermaksud: "Jangan singkirkan mereka (isteri-isteri) dari rumah mereka (semasa tempoh iddah)". Muhammad Asad menekankan bahawa kediaman di rumah kelamin itu merupakan <b>hak, dan bukannya kewajipan</b>, bagi isteri dalam tempoh ‘iddah. Seorang isteri itu berhak ke atas peruntukan kediaman walaupun dia telah dianggap nusyuz.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tuduhan "perbuatan memberahikan secara terbuka (fahisyah)" dikhuatiri boleh menggalakkan tuduhan palsu terhadap seorang perempuan. Tuduhan sedemikian biasanya dilakukan oleh lelaki yang tidak bertanggungjawab dan dia sendiri berkelakuan keji.</li> </ul> <p>Juga adalah sukar bagi Mahkamah untuk menentukan "perlakuan yang memberahikan" kerana ia adalah <u>sesuatu yang amat subjektif</u>. Tidak terdapat garis panduan bagi menentukan perlakuan tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Tuduhan nusyuz dan berkelakuan fahisyah ke atas isteri hanya boleh dibuat oleh suami yang telah terbukti sebagai adil dan berakhlak baik. Beban pembuktian bagi tuduhan mestilah di tahap tanpa keraguan munasabah (beyond reasonable doubt).</li> </ul>	<p><b>a.</b> Dimasukkan tafsiran yang baru mengenai “nusyuz” di <b>Seksyen 2</b> seperti berikut:</p> <p>“Nusyuz” ertinya merosakkan keharmonian rumah tangga oleh mana-mana satu pihak kepada perkahwinan itu”.</p> <p><b>b. Pindaan kepada Seksyen 65</b></p> <p>(i) Supaya perkataan-perkataan “atau apabila isteri itu menjadi <b>nusyuz</b>” dalam <b>Seksyen 65 (1)</b> dimansuhkan.</p> <p>(ii). Supaya perkataan-perkataan “<b>atau perintah</b>” dimasukkan semula dalam subseksyen (2).</p> <p>(Mengenai <b>subseksyen (2)</b>, peruntukan Akta 1984 sebelum dipinda oleh Akta Pindaan tahun 1994 ada merujuk kepada hak pemberian “di bawah sesuatu perjanjian <b>atau perintah</b>”. Terma-terma perjanjian perceraian di antara pihak-pihak itu mungkin juga dibuat atau disahkan melalui perintah mahkamah)</p>
--	---	---

		<p><b>c. Pindaan kepada Seksyen 71 (1)(d)</b></p> <p><b>(i).</b> Untuk memansuhkan perenggan (d) pada Seksyen 72(2); <b>atau</b></p> <p><b>(ii).</b> Supaya, bagi mengelak dari kemungkinan tuduhan palsu dibuat oleh suami terhadap isteri mengenai perlakuan sumbang, <b>peruntukan tambahan</b> seperti berikut ditambah <b>kepada perenggan (d)</b>:</p> <p>“dengan syarat bahawa beban membuktikan tuduhan fahisyah hendaklah terletak pada pihak suami dan Mahkamah patut membuat keputusan hanya selepas berpuashati bahawa tuduhan telah terbukti tanpa keraguan munasabah, dan pihak yang membuat tuduhan itu hendaklah lelaki yang adil dan berakhlak baik.”</p>
<p><b>10. PENJAGAAN ANAK</b></p> <p><b>i. Seksyen 88 – Hak kepada penjagaan (guardianship).</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami amat dukacita dan kecewa kerana <b>cadangan kami mengenai hak penjagaan bersama ibubapa tidak dimasukkan. Hanya bapa sahaja yang telah kekal diperuntukkan sebagai penjaga hakiki</b> yang pertama dan utama bagi diri dan harta anaknya yang belum dewasa, dengan diikuti oleh datuk lelaki sebelah bapa dan wasi-wasi mereka (subseksyen (1)).</li> </ul>	<p>Supaya sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dimansuhkan seksyen 88, 91, 92 dan 102, dan digantikan dengan peruntukan seksyen 88 baru sebagai <b>penerimapakaian pindaan kepada Akta Penjagaan</b></li> </ul>



<p><b>ii. Seksyen 102 – penjaga anak yatim.</b></p> <p>Peruntukan tersebut adalah sama dengan peruntukan sedia ada dalam Akta 1984.</p> <p><b>iii. Seksyen 91 – perlantikan ibu sebagai penjaga melalui wasiat.</b></p> <p>Peruntukan ini hampir sama dengan peruntukan sedia ada dalam Akta 1984, kecuali perkataan “atau Kitabiyah” yang terdapat dalam Akta 1984 telah dimansuhkan..</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subseksyen (2) pula memperuntukkan supaya <b>bapa sentiasa mempunyai kuasa yang paling luas</b> berhubung dengan penjagaan anak-anaknya. Berbeza dengan peruntukan mengenai hilangnya hak hadanah (custody), <b>tiada peruntukan yang menyenaraikan hal keadaan di mana hak penjagaan (guardianship) itu hilang.</b> Tidakkah patut bapa yang tidak bertanggungjawab, contohnya mereka yang tidak membayar nafkah anak, hilang hak penjagaan? Dan tidakkah patut ibu yang sebenarnya menanggung nafkah anak apabila bapa tidak memberi nafkah atau ibu yang turut memberi sumbangan nafkah anak jika nafkah daripada bapa tidak mencukupi, juga mempunyai hak penjagaan bersama secara automatik?</li> </ul> <p>Peruntukan bapa sebagai penjaga hakiki yang pertama dan utama pernah juga diperuntukkan dalam undang-undang sivil, iaitu <b>Guardianship of Infants Act 1961</b> (Akta Penjagaan Budak), semasa ia berlandaskan undang-undang common law tradisional yang dahulu dipakai di England. Tetapi undang-undang sivil kini telah dipinda bagi memperuntukkan hak penjagaan bersama kepada kedua-dua ibubapa. Malah ajaran Islam meletakkan kedudukan para ibu di tempat yang mulia.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seksyen 102 UUKI <b>tidak menyebut apa-apa jua pun mengenai hak ibu</b> sebagai penjaga, tetapi hanya merujuk kepada bapa dan datuk lelaki yang telah mati tanpa melantik penjaga melalui wasiat. Nampaknya ibu tidak diberi apa-apa keistimewaan dan hanya boleh dilantik sebagai penjaga dengan cara yang sama seperti mana-mana orang lain yang menjaga kanak-kanak itu.</li> </ul>	<p><b>Budak</b> seperti berikut:</p> <p>“88. Setakat yang tidak berlawanan dengan Hukum Syarak, peruntukan-peruntukan dan pindaan-pindaan masa hadapan dalam Akta Penjagaan Budak Act 1961 berkenaan dengan hak ibubapa kepada penjagaan anak mereka boleh dipakai jika ia disifatkan adil dan demi kepentingan terbaik anak itu.”;</p> <p><b>atau</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Diadakan pindaan secara langsung dengan menggantikan seksyen 88, 91 92 dan 102</b> dengan seksyen 88 baru yang berikut:</li> </ul> <p>“88. (1) Walaupun hak terhadap <i>hadanah</i> atau jagaan anak mungkin terletak pada salah seorang sahaja di antara mereka atau pada seseorang lain, <b>bapa dan ibu adalah bersama-sama penjaga hakiki yang utama</b> bagi diri dan harta anak mereka yang belum dewasa.</p> <p>(2). Jika salah seorang ibubapa meninggal dunia, maka <b>ibubapa yang masih hidup</b>, jika ada, adalah, tertakluk kepada Akta ini, penjaga kanak-kanak itu sama ada seorang diri atau bersama dengan mana-mana penjaga yang dilantik melalui wasiat</p>
---	--	--

		<p>ibubapa yang mati itu, dan –</p> <p>(a) jika tiada penjaga dilantik melalui wasiat ibubapa yang mati itu; atau</p> <p>(b) sekiranya penjaga atau penjaga-penjaga yang dilantik melalui wasiat itu meninggal dunia atau enggan bertindak sebagai penjaga ,</p> <p>Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, melantik seseorang penjaga untuk bertindak bersama dengan ibubapa yang hidup itu.</p> <p>(3) Jika kedua-dua ibubapa meninggal dunia, dan hanya salah seorang daripada mereka melantik penjaga melalui wasiat, Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, melantik seseorang penjaga lain untuk bertindak bersama dengan penjaga melalui wasiat itu.</p> <p>(4) Jika kedua-dua ibubapa meninggal dunia tanpa melantik seorang penjaga melalui wasiat, mana-mana penghulu, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan, mana-mana orang yang menjaga kanak-kanak itu, atau mana-mana orang yang ada mempunyai kuasa sebagai seorang</p>
--	--	---

		<p>Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak, boleh menyebabkan kanak-kanak itu dibawa ke Mahkamah dan Mahkamah boleh melantik seorang penjaga sama ada bagi diri atau bagi harta kanak-kanak itu, atau kedua-duanya.</p> <p>(5). <b>Hak seseorang kepada penjagaan</b> di sisi undang-undang terhadap seseorang kanak-kanak adalah <b>hilang</b> –</p> <p>(a) jika dia menjadi tidak siuman; atau</p> <p>(b) jika dia berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka; atau</p> <p>(c) jika Mahkamah berpendapat bahawa dia tidak lagi boleh dipercayai mengenai hal melibatkan kebajikan atau amanah kanak-kanak; atau</p> <p>(d) jika dia disabitkan kesalahan jenayah yang menyentuh kebolehpercayaannya; atau</p> <p>(e) jika dia menukar tempat tinggalnya dan Mahkamah berpendapat bahawa keadaan itu akan menjejaskan keupayaannya untuk menjalankan tugas kewajipan sebagai penjaga yang sah.</p>
--	--	---

		<p>(6). Penjaga yang sah hendaklah mempunyai kuasa yang munasabah, tertakluk kepada perhatian Mahkamah, untuk membuat apa-apa pelupusan yang difikirkannya terbaik berkenaan dengan penjagaannya.”</p>
<p><b>11. ANAK TAK SAH TARAF</b></p> <p><b>i. Seksyen 110 hingga 119;</b></p> <p><b>ii. Seksyen 81</b> Pihak ibu sahaja yang dipertanggungjawabkan ke atas nafkah anak tak sah taraf.</p>	<p>Adalah tidak adil apabila seorang bapa boleh menafikan anak hanya melalui li'an atau kutukan di hadapan Mahkamah. Penggunaan ujian DNA boleh digunakan untuk menentukan keturunan. Umat Islam adalah dituntut untuk menuntut ilmu dan ini merangkumi kemajuan saintifik dan mengikut peredaran zaman.</p> <p>Bapa haruslah dipertanggungjawabkan ke atas nafkah anaknya setelah dapat dibuktikan oleh ujian DNA bahawa anak tersebut adalah anak kandungnya.</p> <p>Bapa tidak sepatutnya boleh menolak tanggungjawab ke atas anak dengan alasan bahawa anak tersebut adalah tidak sah taraf. Alasan hukum ini adalah berdasarkan Hadith yang diriwayatkan dalam Sahih Muslim Jilid II Kitab al-Nikah 3435 yang menceritakan bahawa terdapat <b>perbalahan</b> di antara keluarga bapa angkat dan keluarga bapa kandung kerana kedua-dua keluarga tersebut mahukan hak penjagaan ke atas seorang anak tidak sah taraf dan Rasulullah (saw) telah memberi hak penjagaan anak tidak sah taraf tersebut kepada keluarga bapa angkat.</p> <p>Masalah sekarang adalah berbeza, bapa menolak anak tersebut dan bukan mengkehendakinya. Selagi bapa tidak dipertanggungjawabkan untuk memberi nafkah anak tak sah tarafnya dalam keadaan sekarang, ia mungkin menggalakkan orang lelaki melakukan perbuatan zina, dan membawa kepada mafsadah atau keburukan dalam masyarakat. Sebaliknya, jika <b>bapa anak tak sah taraf juga dipertanggungkan membayar nafkah anak</b>, ini mungkin membantu menimbulkan kesedaran untuk menahan diri dari perbuatan keji itu dan dengan itu membawa kepada masalah atau kepentingan kebajikan dalam masyarakat.</p> <p>Oleh itu riwayat tersebut sepatutnya hanya digunakan di situasi di mana terdapat perebutan hak penjagaan anak dan bukan dalam kes anak terbiar. Ini juga berlandaskan konsep keadilan dalam syariah. Adalah adil dan wajar bagi bapa untuk bertanggungjawab ke atas anaknya.</p>	<p>i. Supaya dimansuhkan peruntukan mengenai had tempoh maksimum sebelum kelahiran anak.</p> <p>ii. Supaya diadakan peruntukan bahawa bapa juga bertanggungjawab mengenai nafkah anak tak sah tarafnya setelah dibuktikan melalui ujian perubatan bahawa anak itu adalah anak kandungnya.</p>

